



Aktiviti 1.2

Mengumpul dan mentafsir asal usul perkataan kimia dan maksud kimia

PAK 21



1. Jalankan aktiviti ini secara *Think-Pair-Share*.
2. Layari Internet atau rujuk bahan bacaan daripada pelbagai media cetak untuk mengumpul maklumat dan bincangkan perkara yang berikut:
 - (a) Asal usul perkataan kimia
 - (b) Maksud kimia
3. Bentangkan hasil perbincangan kumpulan anda dalam bentuk multimedia di hadapan kelas.

Bahan Kimia dalam Kehidupan Harian

Semua bahan yang terdapat di sekeliling kita terdiri daripada bahan kimia. Aktiviti harian yang kita lakukan turut melibatkan tindak balas kimia. Rajah 1.2 menunjukkan bahan kimia yang lazim digunakan dalam makanan, perubatan, pertanian dan industri.

Ubat mengandungi bahan kimia

<http://bit.ly/2vjLmtw>



Rajah 1.2 Bahan kimia yang lazim digunakan

Kerjaya Berkaitan dengan Bidang Kimia

Kebanyakan kerjaya dalam era perkembangan industri yang pesat ini memerlukan pengetahuan dalam bidang kimia. Antara contoh kerjaya adalah dalam bidang kosmetik, bioteknologi, dan seperti dalam Rajah 1.4.

Pakar kimia
pemangkinan Malaysia

<http://bit.ly/2CzWvK7>



Contoh kerjaya:

- Penyelidik bioteknologi

Contoh kerjaya:

-
- Doktor

Contoh kerjaya:

-
- Ahli sains pemakanan

Contoh kerjaya:


-
- Jurutera



Rajah 1.4 Beberapa contoh kerjaya berkaitan dengan bidang kimia

Kaedah Saintifik


Kaedah saintifik ialah suatu kaedah sistematik yang diguna pakai oleh ahli sains atau penyelidik dalam menyelesaikan masalah berkaitan sains. Kaedah ini melibatkan beberapa langkah umum bagi membolehkan sesuatu permasalahan dapat diselesaikan melalui kaedah yang betul.



Rajah 1.6 Langkah-langkah kaedah saintifik



Alat direka khas untuk menjalankan eksperimen yang membebaskan wasap beracun, mudah terbakar atau berbau sengit.



Digunakan untuk membasuh dan membersihkan badan apabila kemalangan berlaku pada bahagian badan. Alat ini juga digunakan untuk memadamkan api sekiranya berlaku kebakaran pada bahagian badan.

Digunakan untuk membasuh dan membersihkan mata apabila kemalangan berlaku pada bahagian mata.



Digunakan untuk memadamkan api semasa kebakaran berlaku di makmal.



Digunakan untuk menanggalkan bahan kimia, minyak, kotoran, dan mikroorganisma pada tangan.